

SEKILAS INFO

PUSAT PERANCANGAN STRATEGIK, PENGURUSAN KUALITI DAN RISIKO



Amanat Naib Canselor 2024

*"Leveraging Digital Transformation
for a Sustainable Future"*

19 Februari 2024 | 8.45 pagi | Arena Gemilang, DeTAR PUTRA



PELANCARAN

**Student Affairs and Alumni
Action Plan 2024 – 2025**

Aplikasi e-Donation

Aplikasi Chatbot (APAI)

"MEMANFAATKAN TRANSFORMASI DIGITAL KE ARAH KELESTARIAN MASA HADAPAN"

Kota Samarahan - Tanggal 19 Februari 2024 UNIMAS telah melakar sejarah tersendiri dengan Perutusan Amanat Pertama daripada Naib Canselor ke-7 UNIMAS, Yang Berbahagia Prof Dr Ahmad Hata bin Rasit yang telah berlangsung dengan meriah di Arena Gemilang, DeTAR Putra dengan kehadiran hampir 1500 staf UNIMAS dari pelbagai jawatan secara fizikal. Majlis turut dihadiri oleh Yang Berbahagia Dato Ahmad Nadzri bin Mohd Hassan, Setiausaha Persekutuan Negeri Sarawak dan Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Seri Panglima Sulong Matjeraie, Pengerusi Lembaga Pengarah UNIMAS.

Amanat pada tahun ini mempamerkan hala tuju jangka panjang UNIMAS untuk memanfaatkan perkembangan teknologi digital bagi meningkatkan kualiti pendidikan, penyelidikan dan pentadbiran yang seterusnya mencapai kelestarian menyeluruh di masa hadapan. Amanat kali ini turut mendukung aspirasi Kerajaan Persekutuan dan Negeri melalui beberapa inisiatif yang akan dijalankan terutamanya melibatkan ekonomi hijau, pembinaan kapasiti, pengurusan sisa dan pembangunan mampan.

LAWATAN PENANDA ARAS UMPSA

Kota Samarahan- Tanggal 16 Februari 2024, Unit Pengurusan Risiko, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) telah mengadakan lawatan penanda aras ke Pusat Perancangan Strategik, Pengurusan Kualiti dan Risiko, UNIMAS bagi mendapatkan gambaran serta maklumat awal Master System serta kerangka utama penggabungan sub-sistem dan sub komponen dalam pembangunan Sistem Pengurusan Risiko di samping sesi perkongsian amalan terbaik bagi kedua-dua Universiti. Delegasi UMPSA diketuai oleh Mejar Dr Imaduddin bin Abidin selaku Pengerusi Taskforce Pengurusan Risiko UMPSA dan turut dihadiri oleh enam Pegawai lain manakala UNIMAS diwakili oleh Prof Gs Dr Tarmiji Masron, Pengarah SQRC.



“ ISO 27001:2022 ISMS REVIEW & TRANSITION WORKSHOP”



Kota Samarahan- 8-9 Februari 2024 telah berlangsungnya Bengkel Semakan dan Peralihan ISO 27001:2022 (ISMS) bertempat di Staff Lounge, Rumah Universiti yang dihadiri oleh Jawatankuasa Pelaksana Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat UNIMAS yang terlibat dengan pensijilan ISMS iaitu Bahagian Pengajian Prasiswazah (BPPs), Pusat Digital Tun Abang Haji Openg (TAHODC) dan Pusat Perancangan Strategik, Pengurusan Kualiti dan Risiko (SQRC) selaku PTj Penyelaras. Turut dijemput untuk hadir bersama adalah Pusat Pengajian Siswazah yang hadir untuk pengembangan skop pensijilan kepada keselamatan maklumat bagi data pelajar Pascasiswazah.

Objektif bengkel ini dianjurkan bertujuan untuk mengemaskini serta mengenalpasti maklumat peralihan serta dokumen-dokumen berkaitan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat UNIMAS seperti Manual Induk, SOA, polisi, risiko serta prosedur-prosedur selaras dengan standard ISO/IEC 27001:2022. Encik Khalid Libar dari SIRIM STS Sdn Bhd telah dipilih sebagai penceramah/konsultan bagi membimbing para peserta bengkel pada kali ini.





SESI DEMO MODUL INSTITUSI MYMOHES

Kota Samarahan- Tanggal 28 Februari 2024, Pusat Perancangan Strategik, Pengurusan Kualiti dan Risiko, (SQRC) telah menganjurkan sesi demo bagi Modul Institusi MyMoHes di mana data institusi adalah merujuk kepada data universiti yang berkaitan dengan data umum seperti maklumat lantikan jawatan utama Universiti. Sebelum ini, data Institusi disimpan secara manual (difail) oleh pihak empunya data dan ini sekaligus menyebabkan carian data memakan masa. Jesteru itu, sistem ini dibangunkan bersama dengan pihak TAHODC bagi melancarkan proses dapatan data di masa akan datang. Bengkel ini telah dihadiri oleh seramai 10 PIC yang dilantik yang terlibat dengan maklumat yang diperlukan.

“ QUALITY MANAGEMENT SYSTEM REVISION WORKSHOP”

Kuching- Pada 23-24 Februari 2024 telah berlangsungnya Bengkel Pemantapan Sistem Pengurusan Kualiti UNIMAS bagi MS ISO 9001:2015 (QMS) bertempat di Waterfront Hotel, Kuching yang dihadiri oleh 40 peserta yang terdiri daripada Ketua Pegawai Digital (CDO), Pengarah dan Timbalan Pengarah SQRC, wakil Pusat Tanggungjawab terpilih, Juruaudit Dalaman SPK dan warga SQRC selaku Urusetia.

Penganjuran bengkel adalah untuk memperincikan serta menetapkan cadangan Kajian Semula skop Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015 bagi tujuan pensijilan semula pada tahun 2025. Objektif program adalah bagi meningkatkan pemahaman berkenaan standard di samping mengenalpasti isu dan ruang penambahbaikan sedia ada. Selain itu, peserta turut menyemak dan mengkaji semula skop pensijilan dan mencadangkan skop baharu SPK UNIMAS sesuai dengan keperluan dan kehendak semasa.





Bengkel SISTEM PENGURUSAN KUALITI UNIMAS

JUMAAT & SABTU
23 - 24 FEBRUARI 2024 09:00 - 16:00

THE WATERFRONT HOTEL, KUCHING

TOPIK PERBINCANGAN:

- ✓ Pensijilan ISO 9001:2015
- ✓ Isu & Peluang Penambahbaikan
- ✓ Kajian Semula Skop SPK UNIMAS

Untuk maklumat lanjut:
Dayang Zuliana (101)
Adeline (1233)

Skop Sistem Pengurusan Kualiti UNIMAS

PERMINTAAN PENGAMBILAN DAN PENSIJILAN

- PENGAMBILAN, PENDAFTARAN, PENILAIAN DAN PENSIJILAN PELAJAR PRASISWAZAH
- PEMBANGUNAN, PENGURUSAN SUMBER ILMU DAN PERKHIDMATAN MAKLUMAT
- PENDAFTARAN KOLEJ PELAJAR BAHRU
- PENGAMBILAN, PENDAFTARAN DAN PENILAIAN PELAJAR SISWAZAH PROGRAM KERJA KURSUS
- PERMOHONAN GERAN PENYELIDIKAN DAN PEMANTAUAN PENYELIDIKAN
- AUDIT DALAMAN
- TERIMA HASIL PEJABAT BENDAHARI

www.sqrc.unimas.my





SOROTAN PENCAPAIAN

Kuching, 15 Feb: Tahniah diucapkan kepada Pengarah SQRC, Prof Gs Dr Tarmiji bin Masron di atas pengurniaan Pingat Darjah Utama Yang Amat Mulia Bintang Kenyalang Sarawak- Pegawai Bintang Kenyalang (PBK) daripada Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tun Pehin Sri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar sempena Majlis Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran Negeri Sarawak di Dewan Lapau, Dewan Undangan Negeri Sarawak.

Dalam istiadat yang sama seramai empat Pegawai UNIMAS lain yang turut menerima pengurniaan Pingat Kebesaran Negeri Sarawak iaitu Prof Dr Kamarudin Kana, Prof Dr Rossazana Ab Rahim, Prof Dr Poline Bala dan Prof Dr Wang Yin Chai .

99

TAHNIAH!!

UNIMAS sekali lagi berbesar hati untuk disenarai pendek untuk Anugerah Times Higher Education (THE) Asia 2024. Dengan lebih 600 penyertaan dalam saingan untuk 2024, UNIMAS telah disenarai pendek untuk tiga kategori – menjadikan UNIMAS satu-satunya universiti di Malaysia yang disenarai pendek dalam 3 kategori. Ini juga merupakan satu lagi usaha yang konsisten oleh semua, setelah membuat senarai pendek Anugerah THE, setiap tahun sejak 2018, dan memenangi kategori Kecemerlangan dan Inovasi dalam Seni pada 2020. Untuk tahun 2024, UNIMAS disenarai pendek dalam kategori berikut:



1. International Strategy of the Year: "UNIMAS Global High Impact Project Initiatives" - (UNIMAS Global)
2. Research Project of the Year: Arts, Humanities and Social Sciences- "Willingness to share Malay Culture Heritage with the Sarawak Museum Collection" - (Faculty of Applied & Creative Arts, Faculty of Education, Communication & Language, Faculty of Cognitive Sciences & Human Development, Faculty of Social Sciences & Humanities)
3. Technological or Digital Innovation of the Year: "Electronic Mentor-Mentee Engagement Reporting System (eMentors): How UNIMAS Ingrains Mentoring and Coaching in Workplace" - (Human Resource Management Division).

Pemenang akan diumumkan pada majlis makan malam gala pada hari Isnin, 29 April 2024 di Kuala Lumpur. Kami mengucapkan selamat maju jaya kepada penyertaan UNIMAS dan berbangga dengan pencalonan yang layak.





PROGRAM SQRC FEBRUARI 2024

Bil	Pekara	Tarikh
1.	ISO/IEC 27001:2022 ISMS Review & Transition Workshop	8-9 Februari 2024
2.	Penghantaran Data Ranking QS WUR & AUR 2025	9 Februari 2024
3.	Lawatan Penanda Aras Unit Pengurusan Risiko UMPSA ke SQRC	16 Februari 2024
4.	Quality Management System Revision Workshop	23-24 Februari 2024
5.	Sesi Demo Sistem Modul Institusi MyMoheS	28 Februari 2024

HAPPY BIRTHDAY
FEBRUARY!!!



SAMBUTAN PRE CHINESE NEW YEAR SQRC 2024



PENGURUSAN & PENTADBIRAN

Pengarah, Prof Gs Dr Tarmiji Masron | **Timbalan Pengarah**, Prof Madya Dr Lee Nung Kion | **Penolong Pendaftar Kanan**, Puan Dayang Mazina Awang Batu & Puan Dayang Zuliana Abang Abd Rahman | **Penolong Pegawai Tadbir Kanan**, Puan Adeline Ann Lubi | **Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Kanan**, Encik Mohd Hairulnizam Mohd Zamri | **Setiausaha Pejabat**, Puan Nur Aishah Jori | **Pembantu Tadbir Kanan**, Puan Norisa Mohamad Sahari | **Pembantu Tadbir**, Cik Siti Afizah Jamil & Encik Mohd Hafizuddin Sulaiman | **Pembantu Operasi**, Encik Rozaimi Anis

SUMBANGAN KELAB REKREASI SQRC UNTUK PROGRAM KOMUNITI LOVE-IN-THE-BOX 2024: BACK TO SCHOOL



STRATEGIC PLANNING, QUALITY & RISK MANAGEMENT CENTRE

Pusat Perancangan Strategik, Pengurusan Kualiti dan Risiko
Universiti Malaysia Sarawak
Aras 3, Canselari
94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia
<http://www.sqrc.unimas.my/>